

BAHASA MELAYU

oleh Musyfa'

Di dalam majalah "Qalam" yang lepas telah saya sebutkan berbagai-bagai gaya rekaan baharu tentang ucapan terima kasih – "ribuan terima kasih" – "Gunungan terima kasih" – dan entah apa-apa terima kasih yang lain pula akan direkai kerana pereka-pereka peribahasa Melayu baharu itu nampaknya sedang bersungguh-sungguh pada orang-orang lain akan kelebihannya di atas rakan2 seperjuangannya itu. Maka di sini suka pula saya menyebutkan suatu lagi peribahasa bagi melafazkan terima kasih oleh orang-orang Melayu zaman dahulu, terutama sekali di antara mereka bangsa dan keturunan peranakan Minangkabau (menang kerbau) daripada bandar Bangkulu atau yang dikatakan Bingkulin di Pulau Perca yang disebut juga "Pulau Sumatera" Yang di Singapura kira 65 tahun dahulu. Dalam masa itu saya biasa mendengar mereka itu menyambut sesuatu hadiah, pemberian, pertolongan, ayang sebarang budi yang berharga atau yang dihargai tinggi oleh orang yang menerimanya itu lebih-lebih lagilah jika sesuatu yang diberi itu daripada seseorang kaya, yang pangkat atau yang dihormati oleh orang ramai.

Sebutan mengucap terima kasih yang demikian jika digunakan sekarang nescaya ditertawakan oleh ramai disebabkan oleh sepatah perkataan "payah" yang mendahului perkataan terima kasih itu. Bahkan saya sendiri pun pada masa itu tiada faham mengapa ditambah pula perkataan 'payah' itu. Bahawasanya setelah saya bertanya meminta fahaman daripada seorang tua bangsa Bengkulu itu maka jawabannya: _Wak ang (Awak hang) orang muda tahi kuda! Takkan tahu bahasa halus yang tersirat ertinya, Cuma tahu apa yang tersurat sahaja." Adapun keterangan yang diberinya kepada saya itu amat panjang yang disulaminya pula dengan beberapa pepatah Melayu tua, maka saya pendekkan sahajalah fahamannya di bawah ini: _

(1) Yang menerima hadiah, pertolongan; atau seumpamanya

itu menerangkan yang ayatnya tiada mempunyai cukup perkataan-perkataan yang sempurna dan sesuai bagi melafazkan terima kasihnya apatah lagi tiada berdaya upaya hendak mengadakan sesuatu benda bagi membalas dengan sepadannya, akan hadiah atau budi yang diterimanya itu.

(2) Keterangan yang kedua ini ialah perhubungan kata daripada seorang lain yang lebih berpengetahuan dan pengalaman yang ada duduk di sisi orang yang memberi keterangan yang pertama di atas itu. Orang ini bernama Khatib Haji Muhammad Saleh bin Haji Abdul Razak guru agama dan Quran di kampung Pasir Panjang Singapura pada masa itu. Huraian keterangannya pun saya ringkaskan sahaja di sini; Katanyalah kurang, iaitu: Jika sekiranya seorang kaya dan berkuasa di dalam sebuah bandar atau sebuah negeri menolong seorang dagang miskin yang terabai dan orang datang itu pula belum biasa atau kenal dengannya. Beberapa tahun kemudian orang miskin itu telah menjadi kaya raya tetapi orang kaya yang sudah menolongnya dahulu itu dengan kuasa Tuhan menjadi miskin pula serta hanyut meminta sedekah merata-rata jalan raya di dalam bandar itu. Kesengsaraan sahaja khabaran yang malang itu maka si miskin yang telah menjadi kaya itupun bersegeralah pergi ke bandar itu mencari orang yang telah menjadi seorang peminta sedekah itu dan dapat menolongnya dengan sebaik-baik pertolongan dan oleh yang demikian maka saya si kaya yang telah menjadi miskin itupun mengucap banyak terima kasih kepada orang yang menolongnya itu, tetapi orang itu menjawab: "Jika sekiranya sekarang saya serahkan semua harta benda dan kekayaan saya ini kepada tuan maka yang demikian belum cukup sempurna menjadi balasan budi tuan dahulu itu menyelamatkan saya daripada kezaliman dan kepapaan, kerana tuan menolong saya dahulu semata-mata dengan ikhlas walaupun pada masa saya itu belum kita berkenal-kenalan satu sama lain dan sesungguhnya baki daripada yang tuan hadiahkan kepada saya itulah saya jadikan modal saya menjalankan suatu perusahaan yang menyebabkan kekayaan saya sekarang, bahkan pemberian tuan itu bersifat "Padi sebutir tumpang seladang". Adapun pertolongan saya sekarang kepada tuan hanyalah kerana kenangan di atas budi tuan.